

Khidmat Komuniti

Khidmat Komuniti merupakan salah satu dari 7 Pillars yang harus diikuti oleh semua pelajar ijazah UniMAP. Ini juga merupakan satu aktiviti kebajikan yang boleh dilakukan oleh pelajar sebagai sumbangan kepada masyarakat sekeliling. Program Khidmat Komuniti telah berlangsung pada 26 Januari di Masjid Behor Mali dan Sekolah Menengah Kebangsaan Panggau. Para pelajar Tahun Tiga diwajibkan menyertai aktiviti ini dan ini bukan sekadar memenuhi kriteria 7 Pillars, bahkan menjadi medium yang menghubungkan masyarakat kampung dengan para siswa dan siswi UniMAP, daripada PPK Bioproses khususnya. Perjalanan bermula seawal jam 7 pagi dari kolej kediaman dan aktiviti bermula jam 9 pagi. Tugas dibahagikan kepada setiap pelajar mengikut kumpulan masing-masing. Antara tugas yang dilaksanakan ialah membersihkan dan mengindahkan kawasan masjid dan sekolah. Aktiviti sebegini mampu memupuk semangat kerjasama antara pensyarah, pelajar dengan masyarakat sekeliling. Di akhir aktiviti para pelajar dan pensyarah menikmati hidangan tengah hari di kantin Sekolah Menengah Kebangsaan Panggau sebelum pulang ke kolej kediaman.

